

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HMT 504 - Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Lanjutan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** daripada **ENAM** soalan yang diberi.

1. Mengikut pendekatan strukturalisme, morfem didefinisikan sebagai “unit yang paling minimal dan yang mempunyai makna dan fungsi nahu”. Kukuhkan hujah anda dengan contoh-contoh bahasa yang sesuai dalam menjawab soalan-soalan berikut:-
 - [a] Bincangkan mengapa teori generatif mempersoalkan takrifan ini.

[10 markah]
 - [b] Nyatakan cadangan terbaru teori generatif mengenai unit terkecil dalam morfologi.

[5 markah]
 - [c] Apakah kebaikan dan keburukan penggunaan unit terkecil ala generatif tersebut di dalam penganalisan morfologi bahasa-bahasa di Malaysia?

[10 markah]

2. Jawab **SATU** dari **DUA** soalan di bawah beserta dengan contoh yang sesuai.
 - [a] Gunakan konsep [i-iv] untuk menganalisis data A di bawah. Nyatakan definisi bagi konsep tersebut dan jelaskan perbezaan mereka.
 - [i] stem
 - [ii] kata dasar
 - [iii] kata akar
 - [iv] afiks

Konsep ‘stem’ tidak digunakan dalam pengkajian morfologi bahasa Malaysia sebelum ini. Nyatakan sebab-sebabnya dan adakah ini wajar dalam konteks teori pengkajian generatif? Sila beri contoh-contoh bentuk kata yang mempunyai ‘stem’ dalam bahasa Malaysia, jika ia wujud.

Data A

Bahasa Malaysia	
subgolongan subsidiari memancisi mengancam	
	(Sumber data: Kamus Dewan 1992)
Bahasa Inggeris	Glos
consequences unsubscribed dreamt	'akibat' 'telah tidak melanggan' 'telah bermimpi'
	(Sumber data: Webster Dictionary 1991)

[25 markah]

- [b] Adakah bahasa Malaysia mempunyai imbuhan infleksi? Beri sebab, kriteria penilaian dan contoh-contoh untuk hujah anda berdasarkan data B di bawah. Apakah perbezaan di antara imbuhan dalam data B dibandingkan dengan imbuhan derivasi yang lain dalam bahasa Malaysia?

Data B

Kumpulan 1	
sukarelawan beliawan seniman	sukarelawati beliawati seniwati
Kumpulan II	
siswa putera dewa	siswi puteri dewi

[25 markah]

...4/-

3. Analisis data C dengan berpandukan kepada soalan-soalan berikut:-
- [a] Nyatakan rumusan pembentukan kata (WFR) yang terlibat mengikut teori pembentukan kata generatif Aronoff. [4 markah]
 - [b] Nyatakan sama ada rumus tersebut produktif atau tidak produktif dan huraikan konsep produktiviti yang anda gunakan bagi menganalisa data C. [8 markah]
 - [c] Apakah kekangan produktiviti yang timbul dalam data C? [8 markah]
 - [d] Apakah asas pendekatan teori pembentukan kata Aronoff dan kelebihan pendekatan tersebut? [5 markah]

Anda boleh menambah data sendiri selain dari data yang diberikan dalam data C. Penggunaan jadual dalam jawapan anda adalah digalakkan.

Data C

sesampai	sampaikan	tersampai
sesudah	sudahkan	*tersudah
selama	lamakan	terlama
setelah	*telahkan	*terlama
sebesar	besarkan	terbesar
selalu	lalukan	terlalu
semudah	mudahkan	termudah
setinggi	tinggikan	tertinggi
semalam	*malamkan	*termalam

4. Jawab [a] **DAN** [b].
- [a] Jelaskan hubungkait di antara pemerolehan bahasa dengan jenis pengetahuan bahasa dalam Prinsip dan Parameter dari aspek matlamat teori, fakulti linguistik dalam minda dan kepadaan teori. [10 markah]

- [b] Nyatakan **TIGA** asas metodologi teori Prinsip dan Parameter dalam mengendalikan data bahasa dan berikan kekurangan dan kelebihan asas-asas tersebut.

[15 markah]

5. Jawab [a] **DAN** [b].

- [a] Jelaskan kegramatisan dan ketidakgramatisan ayat-ayat dalam set-set berikut dengan menggunakan teori kuasa, kasus, pengagihan peranan- \square dan gerak- α jika terlibat. Anda boleh menggunakan rajah pohon atau tanda kurungan dalam jawapan anda dan tandakan samada ianya struktur-D atau struktur-S.

- [i] Mariam nampaknya suka Johan.
- [ii] Nampaknya Mariam suka Johan.
- [iii] Mariam berharap menjadi jutawan.
- [iv] *Berharap Mariam menjadi jutawan
- [v] Johan tertanya-tanya untuk siapa Mariam membeli buku itu.
- [vi] *Johan tertanya-tanya untuk siapa apa Mariam membeli.

[15 markah]

- [b] Beri penerangan tentang perbezaan kegramatisan ayat [i-iv] berikut dari aspek kekangan yang terlibat dengan alasan yang mantap.

- [i] Cerita mengenai apakah yang menyeramkan anda?
- [ii] *Apakah cerita mengenai yang menyeramkan anda?
- [iii] *Siapakah kamu jumpa orang yang nampak?
- [iv] Kamu jumpa orang yang nampak siapa?

[10 markah]

6. Jawab [a] **DAN** [b].

- [a] Lakarkan rajah pohon X--berpalang **DAN** kenal pasti komplemen, ajung, spesifik, dan kepala bagi ayat-ayat [i-iv] di bawah. Sertakan alasan dan hujahan sintaksis yang kukuh bagi setiap jawapan anda. Paparkan Struktur-S sahaja.

- [i] Mat bergurau dengan jiran di sebelah rumahnya.

- [ii] Emak Siti memberi Siti sebuah kereta terpakai untuk harijadinya.
- [iii] Tempoh hari pasu kesayangan emak terjatuh di atas lantai marmar itu.
- [iv] Ani percaya Ali yang Siti minati secara diam-diam.

[10 markah]

- [b] Bincangkan bagaimana setiap FN yang berhuruf condong tebal menerima kasus dalam ayat-ayat [i- v] berikut. Sila nyatakan ayat manakah yang akan menimbulkan masalah dalam pemberian kasus, jika kuasa m-komand digunakan dan bukan c-komand.

- [i] **Mariam** sedang tidur.
- [ii] Saya ternampak **Mariam**.
- [iii] Saya memberikan buku itu kepada **Mariam**.
- [iv] Saya memberi **Mariam** buku itu.
- [v] Saya tertidur semasa **kuliah** tadi.

[15 markah]